



**PERUTUSAN
YBHG. DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

**MESYUARAT MAJLIS PENUH BIL.8/2024
PADA 28 OGOS 2024 (RABU) JAM 9.30 PAGI**

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

Assalamualaikum. Salam Sejahtera dan Salam Bersih. Muafakat dan Sejahtera. Salam Malaysia Madani.

1. Yang dihormati barisan Ahli Majlis, Setiausaha, barisan Ketua Jabatan dan Ketua Unit, pegawai - pegawai, rakan media serta para hadirin yang saya hormati sekalian.

2. Saya juga mengalu-alukan kehadiran YB:
 - I. YB Tuan Loke Siew Fook, Ahli Parlimen Seremban;
 - II. YB Tuan Cha Kee Chin, Ahli Parlimen Rasah;
 - III. YB Tuan Arul Kumar a/l Jambunathan, ADUN Nilai;
 - IV. YB Puan Nicole Tan Lee Koon, ADUN Bukit Kepayang;
 - V. YB Hajah Tengku Zamrah Tengku Sulaiman, ADUN Ampangan;
 - VI. YB Datuk Haji Mohd Asna bin Amin, ADUN Lenggeng;
 - VII. YB Tuan Gunasekaran a/l Palasamy, ADUN Seremban Jaya;
 - VIII. YB Tuan Yap Yew Weng, ADUN Mambau;
 - IX. YB Tuan Ng Chin Tsai, ADUN Temiang;
 - X. YB Tuan Siau Meow Kong, ADUN Rahang
 - XI. YB Tuan Chew Seh Yong, ADUN Lobak

3. Alhamdulillah, puji dan syukur kepada Ilahi di atas pelbagai kurniaan dan anugerah yang tidak terhitung buat kita semua. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, keluarga dan sahabat Baginda serta mereka yang mengikut jejak langkah Baginda hingga ke hari kesudahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

4. Kita semua sedar bahawa dunia hari ini semakin kompleks dan dinamik. Konsep VUCA – iaitu **Volatility, Uncertainty, Complexity, dan Ambiguity** – bukanlah sekadar istilah, tetapi realiti yang kita hadapi setiap hari. Persekutaran yang penuh dengan perubahan pantas, ketidakpastian, kerumitan, dan kekaburan memerlukan kita untuk berfikir dan bertindak dengan lebih bijaksana dan berkesan.
5. Menghadapi Tahun 2024, Majlis Bandaraya Seremban akan melaksanakan beberapa strategi utama untuk menangani cabaran-cabaran VUCA ini.
6. Pertama, kita akan terus mengukuhkan kecekapan operasi melalui digitalisasi dan automasi. Transformasi digital bukan lagi satu pilihan, tetapi keperluan. Kita akan memperluaskan penggunaan teknologi seperti sistem maklumat geografi dan platform pengurusan bandar pintar. Ini akan memudahkan kita untuk berkomunikasi dengan warga bandaraya dan meningkatkan kecekapan dalam pengurusan sumber dan perkhidmatan awam. Oleh demikian, saya meminta semua jabatan untuk mempercepatkan pemindahan kerja-kerja konvensional ke kerja-kerja digital agar selari dengan permintaan teknologi yang terkini.

7. Selain itu, kita juga akan melaksanakan protokol kecemasan dan respons pantas yang lebih berkesan. Latihan dan simulasi berkala akan dijalankan bagi memastikan kesiapsiagaan kita dalam menghadapi situasi tidak dijangka seperti bencana alam atau krisis kesihatan awam.
8. Untuk memastikan kita dapat membuat keputusan yang tepat dalam persekitaran yang tidak menentu, latihan dan pembangunan kepimpinan akan diberi penekanan. Pegawai dan kakitangan kita akan dilatih untuk menjadi lebih adaptif, berdaya tahan, dan mampu membuat keputusan walaupun dengan maklumat yang tidak lengkap. Dalam masa yang sama, kita akan memperkuuhkan penglibatan komuniti dalam proses membuat keputusan, kerana setiap suara rakyat Seremban adalah penting dalam membentuk masa depan bandaraya kita.
9. Seterusnya, kita juga akan memperkuuhkan **pengurusan risiko** dan **ketidakpastian**. Dengan menggunakan alat analisis data yang lebih canggih, kita dapat mengenal pasti potensi risiko lebih awal dan membuat perancangan kontinjenzi yang lebih mantap. Ini akan memastikan kita sentiasa bersedia menghadapi apa jua cabaran yang mungkin timbul
10. Di samping itu, budaya inovasi dalam pentadbiran bandaraya akan terus dipupuk. Pegawai dan kakitangan kita akan digalakkan untuk mencadangkan idea-idea baru yang boleh mempertingkatkan perkhidmatan awam dan kualiti hidup warga Seremban. Kerjasama dengan universiti, institusi penyelidikan, dan industri juga akan

diperkuuhkan untuk meneroka teknologi dan pendekatan baru dalam pengurusan bandar. Oleh demikian, satu Pertandingan Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif peringkat MBS akan dilaksanakan pada bulan November ini yang bertujuan membangunkan dan menerapkan budaya inovasi dikalangan warga Majlis.

11. Akhir sekali, keterlibatan dan komunikasi dengan warga bandar akan dipertingkatkan melalui penggunaan media sosial dan platform digital. Kita akan memastikan maklumat disampaikan dengan jelas dan pantas, serta memberi ruang kepada warga Seremban untuk memberikan maklum balas yang berguna. Program pendidikan dan kesedaran juga akan dilancarkan untuk membantu warga memahami peranan mereka dalam menjadikan bandaraya ini lebih berdaya tahan terhadap perubahan.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

12. Dengan strategi-strategi ini, saya yakin bahawa kita akan dapat mengukuhkan daya tahan Majlis Bandaraya Seremban dalam menghadapi cabaran VUCA pada tahun 2024. Marilah kita bersama-sama melangkah ke hadapan dengan semangat yang tinggi, komitmen yang teguh, dan kesungguhan untuk menjadikan Seremban sebuah bandaraya yang lebih maju, selesa, dan sejahtera untuk didiami. Terima kasih, dan saya harap kita semua dapat bekerjasama untuk merealisasikan visi ini. Semoga Allah memberkati usaha kita.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KEWANGAN

13. Sehingga 25 Ogos 2024, prestasi kutipan Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Seremban adalah seperti berikut:-

(a) Cukai Taksiran

Sasaran 85% Bil Semasa 2024 (130.95 Juta)

Prestasi = **RM106.30 Juta (69%)**

(b) Sasaran 30% Tunggakan (RM26.02 Juta)

Prestasi = **RM12.65 Juta (14.59%)**

(c) Sasaran 100% Bajet Cukai (RM145.5 Juta)

Prestasi = **RM108.80 Juta (74.77%)**

(d) Sasaran Terimaan Hasil 100% (RM223.56 Juta)

Prestasi = **RM164.10 Juta (73.40%)**

(e) Belanja Mengurus (RM220.16 Juta)

Prestasi = **RM121.16 Juta (55.02%)**

(f) Belanja Pembangunan (RM14.40 Juta)

Prestasi = **RM6.33 Juta (43.98%)**

Berdasarkan statistik belanjawan di atas saya memohon semua jabatan untuk membelanjakan peruntukan yang dipohon agar mencapai sasaran perbelanjaan yang optimum selari dengan matlamat memberi perkhidmatan yang terbaik kepada seluruh warga Bandar Raya Seremban.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

14. Jabatan Kewangan MBS telah mengadakan lawatan premis dan operasi kutipan cukai taksiran dari pintu ke pintu seperti ketetapan berikut :

- I. Taman Bandar Tasik Senangin,
- II. Taman Bayu Lake Homes,
- III. Taman Desaria,
- IV. Taman Angsamas,
- V. Taman Bukit Senawang Perdana,
- VI. Taman Coral Heights,

15. Hasil daripada aktiviti operasi kutipan yang dijalankan ini berjaya menghasilkan kutipan berjumlah **RM48,460.00** daripada **212 bilangan akaun**.

16. Selain itu, MBS turut membuka *booth* kaunter bayaran cukai taksiran dan kompaun di Dataran Nilai sempena NS Fest 2024. Hasil dari program ini, jumlah keseluruhan kutipan bayaran bagi Cukai Taksiran, Denda Lewat & Kompaun berjaya meraih jumlah kutipan sebanyak **RM29,861.00**

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

17. Draf Bajet 2025 telah dirancang dengan perbelanjaan yang berhemah akan dilaksanakan terutamanya berkaitan Emolumen, Utiliti , Penyelenggaraan, Pembersihan & Kawalan Keselamatan dan beberapa perbelanjaan yang lain.

18. Dengan jumlah anggaran kos pengurusan yang semakin meningkat pada saban tahun, saya harap peningkatan hasil dari masa ke masa turut akan berlaku supaya sasaran yang telah ditetapkan dapat dicapai dan menampung perbelanjaan yang sememangnya menjadi keperluan buat MBS untuk dibelanjakan.

SUMBER : JABATAN KEWANGAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

19. Sehingga 31 Julai 2024, MBS telah menjalankan aktiviti ;

- Kawalan *fogging* di **39,478** buah premis
- *ULV* di **67,618** buah premis
- *Larvaciding* di **283** lokaliti
- *Source reduction* di **283** lokaliti
- Gotong royong di **82** buah taman

20. Selain itu, laporan bagi tanah perkuburan di bawah seliaan MBS mulai 1 Julai 2024 hingga 31 Julai 2024 mencatatkan;

a. Tanah Perkuburan Islam Senawang Fasa 2

41 pengebumian jenazah

a. Tanah Perkuburan Islam Ainsdale

15 pengebumian jenazah

b. Tanah Perkuburan Kristian Sendayan

11 pengebumian

- c. **Tanah Perkuburan Islam Nilai** yang dibuka pada 15 April 2022, sehingga kini masih tiada jenazah yang dikebumikan di tanah perkuburan ini sehingga 31 Julai 2024.

SUMBER : JABATAN KESIHATAN PERSEKITARAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

21. Pada 2 Ogos 2024, satu **operasi bersepadu penguatkuasaan** dalam kawasan Majlis Bandaraya Seremban telah dijalankan di gerai Kompleks Penjaja Lee Sam Seremban. Operasi ini turut disertai oleh Jabatan Imigresen, PDRM dan Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan. Tujuan operasi ini adalah untuk menangani isu aduan dan permasalahan di gerai tersebut. Antaranya, premis tidak memperbaharui lesen perniagaan, memaparkan logo atau gambar minuman keras di papan iklan, menggajikan pekerja bukan warganegara Malaysia, pelesen tiada di premis dan penyalahgunaan perniagaan.

22. Bagi menambah baik syarat-syarat sedia ada mengenai permohonan baru dan pembaharuan lesen kitar semula, Jabatan Pelesenan & Pembangunan Usahawan telah menganjurkan satu **Bengkel Penambahbaikan Syarat Permohonan Baru dan Pembaharuan Lesen Kitar Semula (Lesen Berisiko)** MBS yang turut melibatkan Ahli-Ahli Majlis, Ketua Polis Daerah Seremban, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Seremban, Pengarah Jabatan Keselamatan & Kesihatan Persekutaran, dan pegawai-pegawai serta kakitangan MBS.

23. Diharapakan dengan syarat baru ini tiada lesen yang akan diperbaharui secara automatik, malah ia akan disemak semula, dan mana-mana pihak industri tidak patuhi syarat boleh tidak diperbaharui lesen mereka.

SUMBER : JABATAN PELESENAN & PEMBANGUNAN USAHAWAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT & PELANCONGAN

24. Alhamdulillah buat kali keduanya sejak tahun yang lalu, MBS melalui Jabatan Pembangunan Masyarakat dan Pelancongan telah berjaya menganjurkan **Malam Pesona Seni Sempena Ulang Tahun Ke Empat** Majlis Bandaraya Seremban di Padang NS pada 13 Julai 2024. Program berkonsep *family entertainment* yang berlangsung dengan meriah ini berjaya mengumpulkan lebih dari 5,000 orang pengunjung yang hadir dari luar dan dalam daerah Seremban.
25. Pelbagai pengisian telah diadakan antaranya ialah persembahan kebudayaan daripada pelbagai kaum di Malaysia. MBS juga telah menjemput pelajar-pelajar sekolah dari Sekolah Dato' Abdul Razak (SDAR), Sekolah Menengah Kebangsaan Puteri dan Sekolah Kebangsaan Senawang untuk mengadakan persembahan pada malam tersebut. Selain persembahan nyanyian daripada artis-artis terkenal tanah air, seperti Aina Abdul, Azlan Typewriter, Satesh, Ameng Spring dan Angela Chin.

26. Tahniah dan terima kasih kepada kesemua urusetia yang terdiri daripada pelbagai agensi dan jabatan yang sama-sama bertungkus lumus menjayakan Malam Pesona Seni sempena Ulang Tahun ke Empat Majlis Bandaraya Seremban ini.

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

27. Selain itu, pada 9 hingga 13 ogos yang lalu turut berlangsungnya **Negeri Sembilan International Dancesport Championship 2024** **3RD International Dance & Music Cross Culture 2024** di Klana Resort Seremban yang telah disempurnakan oleh YB Puan Nicole Tan Lee Koon, Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pelancongan, Kesenian Dan Kebudayaan.
28. Lebih daripada 400 orang peserta dari dalam negara dan luar negara seperti Thailand, Indonesia, Taiwan, Singapura, Filipina, China, Korea, Sri Lanka, Vietnam, Hong Kong, Russia, Itali, Poland dan Japan telah menyertai dalam program ini. Dengan program yang diadakan ini, ianya sekaligus berjaya mempromosikan produk pelancongan daerah Seremban di peringkat antarabangsa dan memberikan pengalaman pelancongan menarik di daerah Seremban.

SUMBER : JABATAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT& PELANCONGAN

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

PELAPORAN JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

29. Pada 6 Ogos 2024 yang lalu, MBS telah menerima kunjungan daripada Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) Negeri Sembilan bagi pelaksanaan **Inspektorat Pematuhan Keselamatan Perlindungan** di MBS bertujuan untuk membantu dalam meningkatkan tahap keselamatan perlindungan dari aspek Keselamatan Fizikal, Keselamatan Dokumen, Keselamatan Peribadi dan Keselamatan ICT serta khidmat nasihat yang berkaitan.
30. Selain daripada itu, telah diadakan **satu Kursus Kebakaran bersama Ahli Pasukan Tindakan Kecemasan (Emergency Response Team (ERT))** Wisma MBS dengan kerjasama Jabatan Bomba Dan Penyelamat Malaysia Negeri Sembilan bagi pendedahan asas kepada Pasukan ERT berkenaan fungsi dan peranan semasa berlakunya kebakaran di tempat bertugas.
31. Seramai 60 orang pegawai Majlis telah dilantik sebagai ahli Pasukan ERT Wisma MBS yang terbahagi kepada tujuh (7) fungsi iaitu Ketua Insiden, Penolong Ketua Insiden/Pencatit Kejadian, Pasukan Mencari Dan Menyelamat, Pasukan Perubatan, Pasukan Trafik, Pasukan Selenggara dan Komander Jabatan.
32. Baru-baru ini juga, pada 19 hingga 21 Ogos 2024 telah diadakan **Bengkel Migrasi Fail Ke Arah Pelaksanaan DDMS 2.0 MBS** dengan kerjasama Arkib Negara bagi ;

- I. Meningkatkan keberkesanan dalam memastikan peserta memahami klasifikasi fail MBS;
 - II. Memastikan pelaksanaan migrasi klasifikasi fail dianalisa dengan betul dan tepat;
 - III. Melaksanakan proses mapping secara menyeluruh ke atas senarai fail lama kepada klasifikasi fail baharu;
 - IV. Memastikan migrasi fail lama kepada klasifikasi baharu dilaksanakan dengan betul dan sistematik mengikut kriteria pembukaan dan penutupan fail;
 - V. Melatih pegawai dan kakitangan MBS menggunakan klasifikasi fail MBS sebelum transisi dari manual ke arah sistem pengurusan rekod elektronik (DDMS) di masa hadapan.
33. Pemahaman yang diperoleh melalui bengkel ini hendaklah dimanfaatkan sebaiknya ke arah pelaksanaan DDMS 2.0 Majlis Bandaraya Seremban. Pentadbiran Majlis mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan bengkel ini.

SUMBER : JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

PENUTUP

YBhg. Dato', Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

34. Tarikh dan sambutan merdeka tidak pernah luput dalam ingatan pemimpin dan rakyat kerana ia suatu peristiwa besar serta penting menghidupkan semangat patriotisme dan cinta akan negara. Setiap tahun negara akan merayakannya dengan pelbagai acara sambutan kecil dan besar di semua peringkat institusi dan masyarakat.
35. Sirah Malaysia menunjukkan ia sebuah negara rencam, majmuk dan aneka ragam serta bersilang budaya. Kompas kepelbagaian dalam bingkai kesatuan memerlukan naratif kebangsaan, yakni berpaksikan perlembagaan dan Rukun Negara.
36. Oleh itu, teguhkanlah perpaduan, permuafakatan, persefahaman dan sikap saling menghormati untuk kekal utuh, jitu dan padu kerana itulah satu-satunya cara untuk kita memastikan kita akan dapat terus hidup dalam keadaan aman dan tenteram. Hanya dengan keamanan kita akan dapat menjayakan segala agenda baik dari segi pembangunan kawasan setempat, daerah, negeri dan negara secara mampan dan efektif.
37. Sehubungan dengan itu, selama berlangsungnya sambutan Bulan Kebangsaan sempena Hari Kemerdekaan & Hari Malaysia, saya percaya pelbagai program berbentuk patriotisme yang diadakan oleh pihak kerajaan, agensi swasta mahupun NGO. Oleh itu, sebagai warganegara lebih-lebih lagi sebagai penjawat awam sokonglah dan libatkanlah diri, keluarga dan masyarakat setempat untuk hadir

menyertai program-program patriotik yang dianjurkan bagi menunjukkan sifat cintakan Negara yang tidak pernah pudar.

38. Akhir sekali, sempena sambutan Hari Kebangsaan yang akan berlangsung pada 31 Ogos 2024, sabtu ini, saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan buat seluruh warga Bandaraya Seremban dan saya turut menjemput semua yang berkelapangan untuk sama-sama meraikan Sambutan Hari Kebangsaan 2024 Peringkat Negeri Sembilan yang akan di Padang MBS, Jalan Yamtuan.

Selamat Menyambut Hari Kemerdekaan ke-67.

Malaysia MADANI. Jiwa Merdeka

Sekian, Wabillah Wal Taufiq Wal Hidayah, Wassallammualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

**DATO' MASRI BIN HAJI RAZALI
DATUK BANDAR
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN**

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
MAJLIS BANDARAYA SEREMBAN
28 OGOS 2024